

Memeluk Islam Setelah Sepuluh Tahun Mempelajari Agama



Doktor ((Arthur Cain)) yang telah masuk Islam setelah mempelajari sejarah agama selama 10 tahun, namanya sekarang Doktor ((Ali Amar Cain)).

Dibawah ini adalah kisah seorang ahli falsafah, bangsa Amerika yang bernama Doktor Arthur Cain (Penasihat Persekutuan Kebangsaan Amerika bagi membanteras arak) salah seorang daripada orang-orang yang telah diberi pertunjuk dan hadiah oleh Allah untuk memasuki Islam menjadi pegangan hidup yang dipakainya dengan sukarela -menceritakan bagaimana asal mulanya kisah dirinya memeluk islam yang kemudian beliau telah menukar namanya dengan nama ((Ali Amar Caim¹))

Dari semenjak saya kecil – Doktor Ali Amar Caim memulakan kisah hidupnya – kecenderungan

saya terhadap mempelajari berbagai-bagai agama sangatlah kuatnya. Ketika saya memulakan kehidupan saya dalam persuratkhabaran selama dua puluh tahun, saya halakan tulisan-tulisan saya mengenai perkara pergaulan dan falsafah.

Kemudian saya mengarang beberapa buah buku dalam ilmu merawat jiwa misalnya tentang((Adat Merokok)) saya kupas tentang kemerbayaannya, saya terangkan hubungan merokok itu dengan penyakit dada dan barah ((kanser)) sedang saya sendiri waktu itu merokok dalam sehari lebih 60 batang dan saya berasa tersangat lemah dan penat, kerana itulah saya dapat menghasilkan daya cipta berdasarkan pengetahuan dan pengalaman yang saya peroleh.

Pernah saya kemukakan kepada para doktor ubat bagi meredakan urat saraf orang yang telah membuang adat menghisap rokok itu untuk melengkapkan isi buku saya.

Dan saya karang sebuah buku lain yang bernama ((Tujuh Orang Yang Salah)) saya perkatakan di dalamnya tujuh jenis orang yang meminum minuman keras hinggakan kehidupannya hampir merata sama sekali, setelah dia dapat membuang adat minuman keras itu dapatlah memulakan penghidupannya yang baharu – hidup tanpa minum arak - hidupnya yang ditegakkan diatas dasar kesihatan yang sempurna, baik dan berjaya.

¹ Perkataan sebenar ialah Ali Amar Cain

Saya karang kemudiannya beberapa risalah mengenai beberapa kebiasaan yang salah tetapi telah diamalkan oleh berbagai-bagai golongan masyarakat.

Setelah itu saya pun memasuki Persekutuan Kebangsaan Amerika yang tugasnya mencegah orang ramai daripada meminum minuman keras, kemudian bekerja sebagai penasihatnya hingga sampai sekarang ini tetap menyerukan tugas persatuan kami dengan cara yang lebih luas lagi untuk menghindarkan orang ramai dari bahaya tersebut menghisap rokok dan minum arak yang mengancam kesihatan itu.

Saya baca Qur'an dua kali:

Dalam masa saya menjalani kehidupan yang saya sebutkan tadi, yang mengenai berbagai-bagai agama yang sampai ke tangan saya, saya baca dengan penuh minat dengan mendalami kandungan bersungguh-sungguh sehingga mengambil masa tak kurang dari sepuluh tahun lamanya.

Akhirnya sampailah saya ke matlamat terakhir yang selama ini telah saya cari-cari dan mengangan-ngangkan hendak menjadi seorang muslim. Kerana itu terus saya membaca buku-buku yang mengenai syariat Islam yang berbahasa Inggeris. Saya baca Qur'an sebanyak dua kali dengan berhati-hati dan memahami maknanya, saya baca kitab-kitab fiqh yang mengandungi pelajaran-pelajaran keislaman, dan kesudahannya sampailah saya kepada keyakinan bahawa agama Islam ialah agama berdasarkan akal dan logik, dialah agama untuk dunia dan akhirat, dan dia juga agama kebendaan dan kerohanian.

Ketika saya iklankan keislaman saya:

Lama sudah saya mengkaji rahsia tentang wujud, saya peralami pengajiannya selayak dengan kedudukan saya sebagai seorang yang mempunyai pengetahuan dalam lapangan falsafah dan psikologi. Saya dapati Islam itu lebih hampir kepada jiwa kemanusiaan berbanding dengan agama yang lain-lain, sehingga menguatkan keyakinan saya bahawa dialah agama yang mulia yang saya relai dan percayai.

Selang dua tahun yang lalu saya ishtiharkan keislaman saya hendaknya Tuan Sheikh Muhammad Daud di New York, dan saya ambil beberapa banyak yang saya suka daripada kitab-kitab Fiqh dan Syariah. Islam untuk dibaca- yang terdapat dipusat Markas Islami di Washington. Tetapi saya rasa keislaman saya tidaklah akan sempurna sebelum saya lawati Kaherah pusat pengajian tertinggi islam yang menjadi tumpuan penuntut-penuntut Islam dari seluruh dunia.

Kemudian saya telah mendapat kesempatan mengunjungi Kaherah. Di pejabat yang mulia Tuan Sheikh Mahmoud Shaltut -Pengetua Universiti Al-Azhar As-Syarif- dengan penuh keimanan dan keyakinan yang seikhlas-ikhlasnya saya lafazkan dua kalimah shahadah "Ashhadu 'an lā ilāha illā Allāh Wa 'ashhadu anna Muhammadan Rasūl Allāh" dihadapan yang mulia itu berulang-ulang.

Sekeluanya dari pejabat beliau, terasa legalah perasaan saya dan lapanglah fikiran saya kerana saya berpendapat keislaman saya disaat itu telah sempurna

dan semenjak itu saya pun bergelar Doktor Ali Amar

Caim.

Mempelajari Bahasa Arab:

Semenjak itu agama islam bagi saya merupakan sebahagian dari kehidupan saya yang tak dapat hendak dipisah-pisahkan lagi. Setiap hari pengajarannya telah meresap keseluruh jiwa saya yang saya rasakan juga perubahan yang agak ganjil menyelinap didalam perasaan dan fikiran saya.

Tetapi ada suatu perkara yang sungguh-sungguh menyedihkan hati saya iaitu tak memahami Bahasa Arab dengan sebenar-benarnya untuk membolehkan saya membaca kitab-kitab agama Islam dalam bahasa asal.

Oleh itu saya putuskan tekad saya untuk mempelajari bahasa itu iaitu bahasa al-Qur'an dalam masa yang sesingkat-singkatnya supaya dapatlah saya membaca kitab suci al-Qur'an al-Karim itu.

Saya pun telah mengetahui bahawasanya sembahyang itu merupakan tiang agama, saya telah memulakan ibadah sembahyang itu setelah saya mempelajarinya dipusat Markas Islam di Washington. Dan pada masa yang akhir-akhir itu saya telah dapat menunaikan tepat pada waktunya. Disamping itu saya telah menggunakan sebahagian besar waktu saya untuk membaca al-Qur'an (sayangnya) dalam Bahasa Inggeris, itupun saya pergunakan untuk membaca kitab-kitab lain bersungguh-sungguh dengan pertolongan kitab kamus tentang Bahasa Arab yang tak pernah bercerai dari sisi saya. Cita-cita naik haji:

Cita-cita saya dewasa ini ialah hendak menziarahi makam Rasullullah (S.A.W) yang saya anggap suatu mahkota dari seluruh amalan saya berkat mendapat petunjuk dan hadiah dari Allah Subhānahu Wa Taāla.

Dan yang paling hebat lagi dorongannya ialah untuk menziarahi tanah tempat tumpah darah Rasullullah (S.A.W.) dimana islam telah diahirkan untuk diserukan keseluruh alam. Saya berdoa moga-moga segala cita-cita dan harapan saya itu dikabulkan oleh Allah untuk menyampaikan ke tahun hadapan Inshā' Allah

BUKU2 RUMI:

(a) Siri Buku2 Bacaan Sekolah Rendah:

1. Tunas Baru (ABC)	(Abdul Rahman H. Said)	1.50
2. Tunas Baru 1	(Abdul Rahman M. Said)	1.00
3. Tunas Baru II, III dan IV		1.50
4. Senang Bacha I dan II	(Hasan Basri) satu	80

(b) Buku2 Bacaan Tambahan untuk Sekolah Rendah:

5. Kuching Hitam (A.H Edrus)		.30
6. Peristiwa Hari Sabtu “		.30
7. Nabi Sulaiman dengan Semut		.30
8. Lutong Sakti I “		.35
9. Lutong Sakti II “		.35
10. Karun Dengan Harta-ya		.35
11. Pekebun Yang Tama’		.35
12. Lembu Chantek “		.35
13. Kisah Minangkabau “		.40
14. Sutan Balun “		.40
15. Puteri Balqis “		.45
16. Penduduk Gua “		.50
17. Sebab Harimau “		.50
18. Cherita Burong Hantu “		.75
19. Nakhoda Dengan Datok Pepateh		.30
20. Si-Buta “		.30

QALAM

356 & 358, Geylang Road,
Singapore 14.